

Pembekalan bahan2 binaan

Kami tidak berpeluk tubuh, kata Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa

KEPESATAN pembangunan di Negeri Kelantan sekarang menyebabkan berlakunya beberapa kerumitan ke atas pembekalan bahan-bahan binaan seperti simen dan batang besi keluli ke negeri itu.

Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak berpeluk tubuh atau mendiamkan diri, sebaliknya akan terus bekerja dengan lebih gigih lagi bagi memastikan semua pemborong-pemborong, khususnya pemborong Bumiputera mendapat bekalan bahan binaan secukupnya.

Demikian jaminan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam jawapan bertulis kepada Senator Haji Muhamad Amin Haji Yaakob, di Dewan Negara semalam.

Bellau memberitahu Senator itu, pembangunan yang berliku di Negeri Kelantan sekarang begitu pesat sekali dan tempuh masa pencapalannya adalah di dalam masa yang singkat.

"Disebabkan inilah diaku terdapat beberapa kerumitan ke atas pembekalan bahan-bahan binaan seperti simen dan batang besi keluli ke negeri itu,"ujarnya.

Kerumitan

Menurutnya, masalah besar yang menyebabkan kekurangan bahan-bahan binaan di Kelantan khususnya simen adalah berpunca daripada masalah pengangkutan.

Timbalan Perdana Menteri itu menegaskan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil langkah-langkah positif terhadap peraturan-peraturan yang menghendaki pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) memberikan jumlah gerabak-gerabak pengangkutan dengan secukupnya kepada pembekal simen yang membekalkan bahan itu ke Negeri Kelantan.

Di samping peraturan, tambahnya, Kerajaan juga telah membuat satu peraturan dengan Kerajaan Negeri Thai

mengenai kebenaran bagi menggunakan pengangkutan keretapi melalui Padang Besar ke Sungai Golok bagi mengangkut bekalan simen ke Negeri Kelantan daripada syarikat pengeluar di Perlis.

Katanya, dengan bertambahnya bilangan gerabak pengangkutan bekalan simen ke Negeri Kelantan akan sentiasa cukup untuk kegunaan projek-projek pembinaan.

Di samping itu, menurutnya, pihak Keretapi Tanah Melayu telah bersetuju menjadikan stesen keretapi Pasir Mas sebagai satu 'discharge point' untuk mengendalikan punggah-memunggah dengan segera.

Kata beliau, Kementerianya juga telah mendapatkan persetujuan daripada syarikat-syarikat kenderaan untuk memberi kerjasama di dalam usaha Kerajaan mempercepat kerja punggah-memunggah simen.

Berusaha

Dengan adanya peraturan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir jelasnya keperluan simen bagi Negeri Kelantan pada tiap-tiap bulan yang berjumlah lebih kurang 9,000 tan akan dapat dicapai dan berdasarkan data-data bekalan bagi bulan Mac yang berakhir 15 Mac, 1980 bekalan yang telah dihantarkan melalui keretapi adalah 6,356 tan.

Mengenai bekalan besi keluli pula Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan dalam tindakannya untuk menentukannya bekalan bahan itu yang cukup telah mengadakan satu sistem di mana setiap pemborong yang mengusahakan projek-projek Kerajaan akan dibekalkan dengan besi keluli daripada Syarikat Pemas Trading.

"Dengan peraturan ini maka bekalan besi keluli bagi projek-projek lain akan diperolehi oleh pemborong-pemborong binaan daripada syarikat-syarikat pengeluar yang lain,"ujarnya.

Daripada bulan April tahun 1979 sehingga bulan Mac, 1980 jumlah bekalan besi keluli (mild steel and high tensile deformed bars) adalah 10,193 tan.

No. Siri

No. Pene